


Foto: Nurul Akmar

# 'TEMUAN TAKDIR' FILEM AKSI KEPOLISAN PENUH EMOSI




Antara pelakon yang menajyakan filem 'Temuan Takdir'.

**BARU-BARU** ini Zazean Design & Production telah mengadakan sebuah majlis sidang media bagi memperkenalkan filem baru terbitan mereka yang berjudul, 'Temuan Takdir'. Filem berbentuk kepolisan ini bakal ditayangkan di pawagam seluruh negara mulai 11 Ogos 2016.

Filem yang mengisahkan tentang tentang dia adik beradik polis yang berdedikasi iaitu ACP Tuan Roslan dan Inspektor Shariff ini mempunyai misi memburu 'mastermind' di sebalik sebuah rompakan sebuah van sekuriti.

Filem yang mengutarakan persoalan tanggungjawab, kasih sayang dan ikatan kekeluargaan dan bukan sahaja sekadar sebuah filem romantik atau aksi semata-mata. Filem yang dirakamkan di pelbagai lokasi di sekitar Kuala Lumpur ini mendapat sentuhan pengarah baru, Dhyan Vimal.

Antara pelakon-pelakon yang menjayakan filem ini, Zahim AlBakri, Vanidah Imran, Ery Zukhairi, Azura Zainal, Amai Kamaruddin, Thanuja Ananthan dan ramai lagi.









